

Peranti, cecair vape lebih RM16 juta kena rampas

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah merampas peranti dan cecair rokok elektronik atau vape bernilai lebih RM16 juta dalam serbuan di gudang penyimpanan di Kawasan Industri Padang Besar, Perlis pada 13 Oktober lalu.

Pengarah Kastam Negeri, Wan Marini Wan Hamzah, berkata bertindak atas maklumat risikan, serbuan dilakukan pada jam 3 petang oleh sepasukan pegawai Kastam dari Cawangan Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam di lokasi.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan menemui sejumlah 719,250 unit peranti dan cecair vape yang disyaki tidak berkastam bernilai hampir RM13 juta dengan anggaran duti dan cukai melebihi RM3 juta.

"Pemeriksaan lanjut mendapati orang yang disyaki gagal mengemukakan permit import sah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Program Perkhidmatan Farmasi) bagi sejumlah 211,050 peranti dan 508,200 cecair



Wan Marini (dua dari kanan) pada sidang media di Pejabat JKDM Kedah, Alor Setar, semalam. (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

vape pelbagai jenama dengan nilai keseluruhan rampasan, termasuk duti serta cukai dianggarkan RM16,070,790.

"Cecair vape adalah barang kawalan import yang tertakluk di bawah Bahagian I, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan memerlukan kelulusan KKM sebelum boleh dibawa masuk ke dalam negara.

"Kalau kita tengok, vape ini dipercayai dari China dan berkemungkinan besar menggunakan laluan udara di Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dipindahkan ke gudang berkenaan.

"Kita masih dalam siasatan untuk tentukan pemilik gudang serta individu tertentu yang terlibat dan siasatan masih dijalankan," katanya pada sidang media di Pejabat JKDM Kedah, di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (g) Akta Kastam 1967 kerana disyaki mengelak pembayaran duti dan cukai secara fraud serta melanggar peraturan larangan import.